



Bank Pilihan Anda

KEMPEN KADAR KEUNTUNGAN ISTIMEWA SERENDAH 3.30% SETAHUN PEMBIAYAAN PERIBADI-i SWASTA

TERMA DAN SYARAT

A. Syarat dan Kelayakan Kempen

1. Kempen kadar keuntungan istimewa ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat daripada Sektor Swasta terpilih yang berwarganegara Malaysia dan memohon produk Pembiayaan Peribadi-i.
2. Penyertaan ini hanya layak kepada permohonan yang menepati terma dan syarat sepanjang tempoh kempen berlangsung KECUALI warga kerja Bank Rakyat.
3. Mekanisme penyertaan adalah seperti berikut:

Kelayakan pelanggan bagi kempen kadar keuntungan promosi Pembiayaan Peribadi-i Swasta ini adalah seperti berikut:

- a. Permohonan produk Pembiayaan Peribadi-i yang terlibat:
 - i. Pembiayaan Peribadi-i Swasta (Normal)
 - ii. Pembiayaan Peribadi-i Swasta (Penyatuan Hutang)
- b. Tujuan Pembiayaan:
 - i. Pembiayaan semula (overlap) Pembiayaan Peribadi-i sedia ada; DAN/ATAU
 - ii. Pembiayaan baharu/kedua/ketiga dan seterusnya; DAN/ATAU
 - iii. Penjelasan Pembiayaan/Pinjaman daripada Institusi Kewangan Iain/Koperasi/Syarikat Kredit.
- c. Syarat-syarat:
 - i. Pendapatan gaji minimum RM5,000 termasuk elaun tetap.
 - ii. Tiada rekod tunggakan dalam Laporan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) bagi tempoh enam (6) bulan terkini.
 - iii. Cara bayaran ansuran melalui salah satu daripada berikut:
 - Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA); ATAU
 - Potongan Gaji Majikan (PGM); ATAU
 - Pindahan Gaji; ATAU
 - Pembayaran Secara Elektronik

- iv. Kadar keuntungan promosi yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Cara Bayaran	Tempoh (Tahun)	Kadar Keuntungan	
		Dengan Takaful	Tanpa Takaful
BPA / PGM / Pindahan Gaji / Pembayaran Secara Elektronik	≤1	KAS + 3.03 setahun	KAS + 4.53 setahun
	≤1 – 5	KAS + 3.13 setahun	KAS + 4.63 setahun
	>5 - 10	KAS + 3.23 setahun	KAS + 4.73 setahun

Nota:

- a. Kadar Asas Standard (KAS) semasa ialah 3.00%
- b. Kadar siling = Kadar Efektif + 4.00%

4. Penyertaan kempen ini adalah tertakluk pada kelulusan Bank Rakyat sepenuhnya dan juga terma dan syarat yang terkandung di sini.
5. Bank Rakyat boleh meluluskan atau menolak sebarang permohonan pembiayaan dan penyertaan kempen ini.

B. Tempoh Kempen

1. Tempoh kempen bermula 18 September 2024 sehingga 30 Jun 2025.
2. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu. Sebarang perubahan akan dimaklumkan menerusi laman web rasmi atau media sosial Bank Rakyat.

C. Lain-Lain

1. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat yang boleh dilihat di www.bankrakyat.com.my.
2. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa di laman web Bank atau sebarang medium komunikasi yang bersesuaian. Pelanggan adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut.

3. Bank Rakyat berhak untuk menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini.
4. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan pada borang penyertaan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang bersesuaian.
5. **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN/PEMOHON ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARI KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN/PEMOHON TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, perang, perisikan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
7. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati terma dan syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
8. Terma dan syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
9. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1300 80 5454; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat.